



# TEORI PEMBINGKAIAN ANALISIS DAN PEMAPARAN RENCANA AGAMA DI UTUSAN MALAYSIA DAN BERITA HARIAN

*Mior Kamarulbaid Mior Shahid dan Siti Nor Amira Syuhada Mazlan*

Kebelakangan ini, kredibiliti kebanyakan akhbar di Malaysia terjejas berikutan terhakisnya kepercayaan pembaca terhadap kandungan akhbar. Secara umumnya, kredibiliti didefinisikan sebagai kualiti sumber maklumat yang menyebabkan apa yang diucapkan dipercayai melebihi sebarang bukti perbahasan (West, 1994). Dengan kejatuhan edaran dan jualan akhbar, sebagaimana dinyatakan oleh *Audit Bureau of Circulation (ABC) Malaysia*, ia memberi gambaran bahawa kandungan akhbar, khasnya berita dan rencana politik di akhbar menjadi punca utama perubahan sikap pembaca. Bagi dua pertiga pembaca, mereka percaya akhbar cenderung untuk tidak menyatakan kebenaran dan bersikap memihak kepada sesuatu pihak apabila melibatkan isu-isu sosial dan politik (*Miyamoto's Public Relations Resource*, 1996). Walaupun keadaan ini berlaku sejak sekian lama, namun perkembangan terbaru ini menunjukkan keadaannya bertambah meruncing dengan ledakan teknologi yang pelbagai. Manusia lebih cenderung kepada media sosial seperti *Facebook*, *Twitter* dan *Whatsapp* sebagai sumber untuk mendapatkan berita (Utusan Online, 2016).

Selain itu, berdasarkan kajian terdahulu, khalayak melihat akhbar dan televisyen sebagai media yang mempunyai kredibiliti tinggi, namun sekiranya diberi pilihan maka khalayak menganggap televisyen lebih berkredibiliti berbanding akhbar (Gaziano, 1986). Hasil dapatan kajian ini turut disokong oleh kajian Major dan

## *Aplikasi Teori dalam Kajian Media*

Atwood (1997) yang berpendapat kredibiliti televisyen tidak menurun walaupun bencana alam yang diramalkan tidak berlaku. Mereka berpendapat bahawa kredibiliti televisyen adalah lebih kukuh berbanding akhbar.

Bagi kebanyakan pembaca, persepsi mereka terhadap rencana politik adalah negatif. Hal ini kerana, kebanyakan isu-isu yang dilaporkan oleh akhbar di Malaysia telah dipolitikkan oleh pihak tertentu (Yang & Md Sidin, 2012). Ia berbeza dengan sikap mereka terhadap rencana mengenai Islam. Pembaca jarang mempertikaikan kredibiliti maklumat agama di media arus perdana, kecuali rencana agama yang dikaitkan dengan politik, kerana percaya ia disiarkan dengan bertanggungjawab (Utusan Online, 2016). Walaupun disaingi oleh bermacam jenis medium, akhbar masih lagi menjadi pilihan (Chyi & Lewis, 2009), kerana kaya maklumat seperti berita perkembangan semasa dalam negara (Mior Kamarul Shahid, 2006), hiburan (D'haene, Jankowski & Heuvelmen, 2004), kemalangan dan konflik (Owens, 2007), sukan (Maier, 2010), dengan analisis yang lengkap (Linlin, 2005) dan terkini (Heflin, 2010).

Meskipun ada persaingan daripada pelbagai portal, *blog* dan sebagainya, akhbar masih terus menyiarkan berita dan rencana mengenai agama kerana ia adalah ruangan yang masih menarik perhatian pembaca. Yassin (1986), pula menjelaskan bahawa dalam menyampaikan fakta, hujah dan pendapat, tidak terdapat teknik yang mampu menandingi keunggulan seperti akhbar kerana akhbar dianggap mekanisme yang menjadikannya paling berkuasa dalam kehidupan masyarakat. Oleh itu adalah penting untuk mengetahui peranan akhbar dalam menyiarkan rencana agama bagi memenuhi permintaan pembaca yang memerlukan maklumat mengenai agama yang berkredibiliti. Tulisan mengenai agama di akhbar dipandang teliti oleh media arus perdana kerana menyedari kepentingan dan sensitivitinya. Penulis ruangan agama juga adalah dipilih daripada mereka yang berkredibiliti.